



DR. TENGKU MUHAMMAD FA-IZ PETRA (dua dari kanan) menyaksikan pertukaran dokumen antara MAIK yang diwakili Dr. Nik Mohd. Azlan Abd. Hadi (kiri) dengan UKM oleh Dr. Noor Azlan Ghazali (tiga dari kanan) pada Majlis MoA di UKM, Bangi, baru-baru ini.

MAIK, UKM jalin kerjasama

peristiwa

Oleh HASHNAN ABDULLAH

ANTARA tugas utama majlis agama Islam negeri adalah berdakwah kepada komuniti Orang Asli yang tinggal dalam kawasan pentadbiran masing-masing.

Walaupun diakui agak sukar kerana perlu berhadapan dengan masalah logistik selain ketaksuban mereka yang berpegang kepada amalan nenek moyang, namun pihak berkuasa agama tidak pernah mengalah dengan cabaran itu.

Pelbagai pendekatan digunakan dalam gerakan itu. Terbaru adalah jalinan kerjasama dakwah antara Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dengan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) melalui Fakulti Pengajian Islam UKM.

Jalinan kerjasama itu diperkukuh dengan termeterainya Memorandum Perjanjian (MoA) yang disaksikan oleh Pemangku Sultan Kelantan, Dr. Tengku Muhammad Fa-iz Petra dalam satu majlis ringkas di

UKM, Bangi, baru-baru ini.

Turut hadir Timbalan Yang Dipertua MAIK, **Dr. Nik Mohd. Azlan Abd. Hadi** dan Naib Canselor UKM, Prof. Datuk Seri Dr. Noor Azlan Ghazali.

Dr. Nik Mohd. Azlan ketika berucap di majlis itu menyifatkan kerjasama strategik tersebut mampu memperkasa lagi gerakan dakwah MAIK kepada komuniti Orang Asli di Kelantan.

Ini kerana beliau menambah, kerjasama itu akan membolehkan pihaknya mewujudkan data profil komuniti orang Asli yang tepat dan lengkap.

"Di Kelantan, ada lebih kurang 15,000 Orang Asli tetapi saya percaya melalui kerjasama itu, kita akan dapat maklumat profil yang lebih tepat seperti jumlah, lokasi penempatan, kekuatan atau kelemahan komuniti itu," katanya.

Dalam masa sama, jalinan itu juga membolehkan bukan hanya satu modul bagi bengkel kepada guru agama serta penggerak masyarakat Orang Asli tetapi juga buku bimbingan yang lengkap untuk komuniti Orang Asli itu sendiri.

Usaha sedemikian perlu supaya kefahaman mengenai ajaran Islam akan lebih mantap dan jitu, sekali gus melahirkan

MoA MAIK dan UKM

Menghasilkan tiga penyelidikan

- Pembinaan profil komuniti Orang Asli Kelantan
- Pembinaan modul bagi bengkel kepada guru agama Orang Asli, MAIK, Penggerak Masyarakat Orang Asli
- Pembinaan buku bimbingan Asas Fardu Ain kepada masyarakat Orang Asli di Kelantan

Faedah kerjasama

- Membina perkongsian pintar dan strategik antara MAIK dengan UKM
- Membina kepakaran dan hasil penyelidikan dalam kalangan penyelidik UKM
- Mendedahkan siswazah UKM dalam mengaplikasikan ilmu dakwah kepada komuniti Orang Asli

lebih ramai pendakwah dalam kalangan Orang Asli.

"Kalau sebelum ini, siri dakwah kami agak longgar tetapi dengan adanya kerjasama sedemikian, saya percaya impak dakwah kami akan lebih mantap dan tersusun.

"Ini kerana, UKM mempunyai kepakaran yang diperlukan dalam projek penyelidikan dan pembangunan orang Asli di seluruh Kelantan," katanya.

Justeru, Dr. Nik Mohd. Azlan memberitahu, pihak MAIK akan menyalurkan peruntukan sebanyak RM140,000 kepada UKM untuk merealisasikan matlamat kerjasama yang dimeterai itu.

"Kira-kira RM10,000 daripada peruntukan wang zakat yang diterima oleh MAIK itu telah pun disalurkan kepada UKM pada akhir tahun lalu, manakala bakinya, akan diberikan kemudian," katanya.